

# Musuh UMNO hadapi padah

UM 12 MAY 2002

Oleh ZULKIFLI JALIL

SHAH ALAM 11 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sokongan golongan muda yang ketara kepada UMNO sekarang memberi amaran kepada parti pembangkang bahawa Barisan Nasional (BN) mampu memperoleh majoriti kemenangan lebih besar pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO berkata, jika sokongan dan penyertaan orang muda ke dalam UMNO itu berterusan, musuh UMNO akan menerima padahnya.

“Saya yakin semangat yang ditunjukkan oleh ahli UMNO ini telah memberi nafas baru kepada UMNO.

“Kalau semangat ini berterusan, kita tunggu apa akan jadi kepada parti-parti lawan ini. Parti lawan patut rasa gentar dan takut kerana masa untuk mereka akan tiba tidak lama lagi.

## Mengusarkan

“Wahai parti lawan, orang dan isu yang kamu peralatkan itu tidak lagi menjadi isu di negara ini,” katanya ketika menyampaikan ucapan merasmikan sambutan ulang tahun UMNO ke-56 di Stadium Malawati di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, pada tahun 1999 BN sanggup mengadakan pilihan raya dan menang dengan majoriti tiga perempat kerusi Dewan Rakyat.

“Ini masa orang kata kita lemah dan hendak jatuh. Tunggulah pilihan raya satu lagi,” katanya yang yakin bahawa sokongan golongan muda yang semakin bertambah sekarang mampu mengekalkan survival UMNO dan kemenangan lebih besar BN.

Menurut Dr. Mahathir, beliau gembira melihat begitu ramai orang muda menyertai sayap kanan Pergerakan Pemuda dan Puteri UMNO berbanding sebelum ini, sekali gus mengusarkan parti lawan UMNO.

➤ **Lihat muka 4**

## Musuh UMNO hadapi padah

Malah tegasnya, penyertaan begitu ramai golongan muda ke dalam UMNO membolehkan orang Melayu menangi cabaran masa ini serta bersaing lebih hebat dengan bangsa-bangsa lain di dunia.

Sehubungan itu beliau mengingatkan parti lawan bahawa UMNO sedikitpun tidak gentar menghadapi mereka.

Menurut Dr. Mahathir, perjuangan UMNO untuk memajukan orang Melayu pada hakikatnya masih belum selesai dan beliau melihat usaha itu perlu diteruskan oleh ahli Pemuda dan Puteri.

Justeru katanya, ke arah menjayakan matlamat itu, ahli kedua-dua sayap kanan itu perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kecekapan supaya proses peralihan kuasa dalam parti kelak berjalan lancar.

Presiden UMNO itu turut memberi jaminan bahawa tidak akan ada perasaan iri hati ahli lama terhadap ahli baru sebaliknya berharap mereka berpegang kuat kepada dasar perjuangan parti.

“Kita ada banyak lagi yang perlu dibuat. Untuk ini, UMNO perlu diperbaharui tetapi tidak boleh diperbaharui

(bersama sekali) dengan orang dewasa. “Sebab itu Pemuda dan Puteri mesti melengkapkan diri dengan ilmu dan kecakapan supaya dapat mewarisinya dari orang lama,” katanya.

Harapan Dr. Mahathir kepada Pergerakan Pemuda dan Puteri untuk meneruskan perjuangan parti itu jelas kelihatan sejak awal ucapannya.

Ketika beliau baru mengucapkan beberapa patah perkataan, Stadium Malawati menjadi gemuruh dengan laungan “Hidup Melayu” dan kibaran sepanduk yang tertera “UMNO perjuangan orang Melayu” daripada ahli parti itu.

Lebih 15,000 ahli UMNO dari seluruh negara memenuhi ruang dalam stadium pada sambutan ulang tahun parti yang dianggap terbesar dan paling meriah itu.

Dr. Mahathir yang ditemui pemberita kemudian berkata, Pemuda dan Puteri UMNO perlu bekerja lebih kuat untuk menambahkan keanggotaan mereka.

Tegasnya, mereka juga perlu kerap turun padang menerangkan kepada rakyat mengenai perjuangan UMNO untuk orang Melayu.

“Mereka juga perlu berdisiplin dan tidak berebut jawatan. Insya Allah, jika ini dapat dilakukan UMNO akan terus menjadi parti pemerintah,” katanya.